

88 peratus kadar kebolehpasaran pelatih Akademi Binaan Malaysia

Oleh **Rafiqah Dahali** - Januari 22, 2022 @ 7:39am

bhnews@bh.com.my



Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Arthur Kurup mencuba alat simulasi jentolak di tapak latihan ABM Wilayah Sabah. - NSTP/Rafiqah Dahali

KOTA KINABALU: Kadar kebolehpasaran pelatih program latihan kemahiran belia Akademi Binaan Malaysia (ABM) adalah sebanyak 88 peratus, berdasarkan kajian Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Arthur Kurup berkata, seramai 149,448 orang mengikuti program Latihan Kemahiran Belia di CIDB seluruh negara sejak tahun 2000.

"Bagi ABM Wilayah Sabah pula, sehingga November tahun lalu, seramai 18,813 belia mengikuti kursus di pusat latihan berkenaan dengan kadar kebolehpasaran sebanyak 65 peratus manakala seramai 25 peratus sedang menyambung pelajaran.

"Kerajaan mensasarkan seramai lebih kurang 14 juta guna tenaga kerja di Malaysia terdiri daripada pekerja mahir dan separuh mahir di sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan kadar pertumbuhan sebanyak 1.4 peratus setahun," katanya pada sidang media selepas sesi Perkongsian Kupi-Kupi 'ABM Pilihan Ku' bersama pelatih ABM Wilayah Sabah bertempat di tapak latihan ABM Wilayah Sabah, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah CIDB Malaysia, Rosmen Awang Hassan dan Ketua Pegawai Eksekutif ABM Wilayah Sabah, Tadzul Radim.

Mengulas lanjut, Arthur berkata, kementerian itu akan terus berusaha meningkatkan lagi kadar kebolehpasaran pelatih pusat latihan kemahiran itu.

"Kita juga akan kaji bagaimana kita boleh mencapai bidang (kepakaran) yang lebih tinggi. Contohnya sebelum seseorang individu (pelatih) menghabiskan kursus, ada yang sudah ditawarkan peluang pekerjaan.

"Selain itu, contohnya mungkin ada yang akan beralih kepada bidang lain, mencari peluang dalam bidang lebih bagus ataupun pindah ke luar negara.

"Jadi kita juga kena kaji sebab permintaan pasaran masih tinggi dan kita boleh meningkatkan lagi (kadar kebolehpasaran) bagi memastikan kita dapat memenuhi permintaan pasaran," katanya.

Selain itu, Arthur turut berkata, CIDB sedang berada dalam proses mendapatkan pensijilan ISO 17024 sebagai badan persijilan yang diiktiraf dalam mengeluarkan pensijilan kepada individu berdasarkan prinsip dan keperluan ditetapkan.

Beliau berkata, ia bagi memastikan pensijilan seperti Sijil Kecekapan Kemahiran Pembinaan (SKKP) mendapat pengiktirafan yang lebih tinggi sekali gus membuka peluang pemegang sijil itu menceburi dan meningkatkan pengalaman di dalam projek luar negara.

"Disamping pensijilan ISO17024, CIDB juga akan memperkuatkan ekosistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) pembinaan melalui pelaksanaan Kerangka Kelayakan Kemahiran Pembinaan (CSQF)," katanya.